

PM syorkan tiga jenis pakaian dikeluarkan di Malaysia

SEOUL, Ahad — Tiga jenis pakaian telah dicadangkan akan dikeluarkan di Malaysia di bawah program penempatan semula industri sederhana Korea Selatan yang telah disyorkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perbincangan mengenai perkara ini memasuki peringkat lanjutan bagi mengeluarkan pakaian itu untuk memenuhi kuota eksport barangan Malaysia ke Amerika Syarikat. Ini akan membawa hasil jualan

\$16 juta setahun.

Perbadanan Pelaburan Luar Negeri Malaysia (MOIC) yang sedang merundingkan perkara itu berkata dalam tahun pertama, pakaian itu akan dihantar ke Malaysia dalam bentuk separuh siap. Proses terakhir akan dibuat di Malaysia dan dieksport.

Dalam tahun kedua, kemudahan bagi mengeluarkan sepenuhnya pakaian itu di Malaysia pasti telah siap, kata Pengurus Besar MOIC, Encik Charlie Koh hari ini.

Dalam lawatannya seminggu ke Korea Selatan yang berakhir hari ini, Perdana Menteri telah menggesa pengusaha Korea Selatan yang terikat dengan kuota eksport ke negara-negara maju menempatkan semula industri mereka di Malaysia dan menggunakan kuota yang belum digunakan sepenuhnya.

Menjamin

Encik Koh adalah salah seorang daripada 46 orang anggota perwakilan sektor swasta Malaysia yang mengiringi perwakilan Perdana Menteri melawat negara itu.

MOIC, katanya, akan mencari syarikat-syarikat di Malaysia yang berminat menyertai pengusaha Korea mengeluarkan pakaian tersebut.

Beliau memberitahu pemberita, MOIC akan cuba menjamin bahawa penempatan semula itu tidak akan mengalami nasib seperti kilang kasut di Filipina dan Sri Lanka tidak berapa lama dahulu.

Encik Koh menjelaskan oleh kerana Amerika Syarikat mengenakan kuota bagi kasut, para pengusaha Korea dan Jepun membuka kilang mereka di kedua-dua buah negara berkenaan untuk dieksport ke Amerika Syarikat menggunakan kuota yang diperuntukkan bagi Filipina dan Sri Lanka.

Apabila kuota bagi Korea dan Jepun ditarik balik, para pengusaha berkenaan kembali menggunakan kilang di negara mereka bagi eksport, menyebabkan projek mereka di Sri Lanka dan Filipina terbengkalai. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia